



→ ISU

Cari formula tangani isu pekerja asing



Shahbudin Embun

Ahli Jawatankuasa
Teraju Majlis Perundangan
Melayu Malaysia



Pembekuan pengambilan pekerja asing baharu memberi kesan kepada ekonomi negara berikutan pengusaha berdepan masalah kekurangan tenaga kerja.

lakukan pelbagai penguatkuasaan secara bersepadu untuk membendung kegiatan jenayah membabitkan warga asing.

Itu sebabnya saya tertarik dengan komitmen pihak kerajaan untuk mengkaji isu membabitkan pekerja asing dengan lebih serius.

Dalam ucapan penggulungan Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, Naib Presiden UMNO yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan, kerajaan akan mencari jalan terbaik bagaimana pekerja tempatan boleh mengambil peluang pekerjaan yang dikosongkan oleh buruh asing.

Seperti yang sudah maklum, Kementerian Dalam Negeri telah pun ambil keputusan supaya memasukkan pekerja asing dibekukan serta-merta bermula pada 19 Februari tahun lalu. Menurut Ahmad Zahid lagi, keputusan ini telah beri kesan besar kepada industri kelapa sawit dan industri pembuatan perabot.

Pendapatan eksport negara da-

lam sektor berkenaan, mengalami kemerosotan dengan hanya meraih RM8 bilion pada 2016 sedangkan sasaran sebenar berjumlah RM10 bilion.

Kekurangan tenaga kerja

Dalam ucapannya, Ahmad Zahid juga telah menjelaskan berdasarkan soal selidik yang dijalankan oleh Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) mendapati 84 peratus daripada pengusaha berdepan masalah kekurangan tenaga kerja berikutan pelaksanaan pembekuan pengambilan pekerja asing baharu.

Dalam hal ini, Ahmad Zahid telah meminta Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri melihat dan mengkaji isu ini kerana ia turut membabitkan masalah sosial dan ekonomi.

Kementerian Sumber Manusia contohnya boleh mewujudkan sebuah pusat latihan kemahiran kepada warga tempatan terutama-

nya dalam bidang yang memerlukan ramai pekerja asing seperti kemahiran dalam pembangunan binaan serta perladangan.

Selain itu, pihak kementerian mungkin boleh menjalin kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan bagi memberi galakan kepada golongan belia untuk memasuki pusat latihan ini.

Sehubungan itu, kerjasama boleh dijalin dengan Kementerian Pendidikan dengan menerapkan kemahiran ini dalam silibus pendidikan sekolah vokasional, contohnya.

Tidak boleh dinafikan lagi bahawa cabaran yang dihadapi dalam menangani isu ini mesti ditangani dengan bijak dan secara menyeluruh.

Dalam hal ini, pihak yang terbabit perlu bersama-sama memberi cadangan yang boleh memberi manfaat kepada bidang serta industri yang memerlukan pekerja asing dan pada masa sama tidak menyetepikan peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan.

su yang berkaitan dengan buruh asing bukanlah sesuatu yang baharu. Sejak tahun 90-an lagi sehinggalah hari ini, ada sahaja isu-isu hangat yang boleh dibincangkan, baik pada peringkat Parlimen sehinggalah di warung kopi. Antara isu yang sering dibangkitkan ialah seperti isu lambakan warga kerja asing terutamanya mereka yang terdiri daripada pendatang tanpa izin.

Terdapat juga isu pekerja asing yang mengambil peluang menjalakan perniagaan dan sekali gus menguasai sesebuah kawasan seperti sekitar kawasan Chow Kit dan juga Pasar Borong Selayang. Golongan ini memonopoli kawasan berkenaan sehinggakan masyarakat tempatan bimbang untuk berada di kawasan yang dikuasai pendatang asing.

Kita tidak nafikan bahawa pihak berkuasa mencuba yang terbaik untuk mengatasi masalah ini. Usaha yang dijalankan seperti operasi pemutihan telah sedikit sebanyak membantu mengatasi masalah lambakan pekerja asing terutamanya mereka yang tidak mempunyai permit kerja sah.

Namun, lambakan pekerja tanpa izin terus masih menjadi isu yang tidak ada penghubungnya. Daripada beberapa laporan akhbar yang diperoleh, dianggarkan terdapat 6.7 juta pendatang asing di Malaysia dan daripada jumlah itu, hanya 2.1 juta sahaja mempunyai permit sah.

Kes jenayah pendatang asing

Di sini timbulnya isu yang membabitkan jenayah di mana terdapat beberapa kes yang membabitkan pendatang asing. Pihak kerajaan melalui polis, dan Jabatan Imigresen, contohnya, telah me-